

Laporan Akhbar Luar Negara

Kejayaan Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka untuk mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 mendapat sambutan penghargaan dan pujian akhbar dari seluruh dunia.

Di New York, akhbar *Herald Tribune* menyatakan bahawa hasil rundingan antara kerajaan British dengan Tanah Melayu sangat menyenangkan. Persekutuan Tanah Melayu berjaya mencapai tujuan rancangannya yang utama.

Akhbar *The Times London* berkata “Keputusan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu adalah satu langkah yang bijak dan berani”.

Akhbar *Manchester Guardian* mengucapkan tahniah kepada Britain kerana berjaya menempuh satu fasa getir dalam hubungannya dengan Tanah Melayu.

Akhbar *Financial Times* pula melaporkan “Perjanjian merdeka ini tidak mengubah dasar kewangan sambil Tanah Melayu mencapai taraf Dominion”.

Akhbar *New Chronicle* berkata “Tanah Melayu dan United Kingdom sekarang berhubung atas dasar percaya mempercayai untuk masa hadapan yang dipersetujui bersama”.

Rusia juga membuat ulasan “kerajaan British terpaksa bersetuju pada dasarnya memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada bulan Ogos 1957. British akan memelihara berbagai-bagai keutamaan dalam Perjanjian itu. Rundingan yang berakhir dengan Perjanjian di London merupakan hasil perjuangan rakyat tanah melayu yang menuntut kemerdekaan”.

Akhbar di India turut mengalu-alukan kejayaan Tunku Abdul Rahman dan rombongan kemerdekaan.

Sumber: Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.